

# Surah An Nur


24:35

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ  
فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا  
كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ  
وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ  
نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ  
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

---

**mpkk**



---

## **IMAM SYAFIE (Wafat 204H)**

**\*IMAM SYAFIE (Wafat 204H)\***

Beliau adalah murid Imam Malik.

Namanya Abu Abdillah,

Muhammad Ibn Idris bin Abbas bin Utsman bin Syafie bin Said bin Ubeid bin Abdi Yazid bin Hasyim bin Abdil Muttalib bin Abdi Manaf Al-Quraisyi.

Kelahiran 150 H. Di Asqalan Palestin. Kemudian ibunya

membawanya ke makkah menuntut ilmu disana. Menghafaz Quran didalan usia 9 tahun.

Guru beliau diantaranya didalam ilmu hadis ialah Sufyan bin Uyainah, Imam Malik bin Anas dan lain<sup>2</sup> lagi.

Beliau adalah seorang Mujtahid Mutlak, pembangun madzhab Syafie. Sangat faqih didalam selok-belok fiqh dan sangat faqih dalam Hadis dan Tafsir sehingga beliaulah orang pertama menyusun Usulul Fiqh dalam menilai hukum berdasarkan dalil<sup>2</sup> quran & hadis.

Setiap ulama mujtahid itu ada isyarat melalui Hadis Nabi bahawa mereka ini akan lahir. Jika imam Malik ada isyarat dari Nabi yg diihtimalkan kepadanya. Maka imam Syafie juga begitu.

Kata Nabi:

عالم قریش یملاء طباق الارض علما

“Akan ada seorang Alim dari bangsa Quraisy yg ilmunya menyeluruh luas ke serata dunia”.

Diihtimalkan hadis ini kepada imam syafie kerana tiadak ada seorang alim pun dari bangsa quraisy yg sangat alim hingga ilmunya ada zaman berzaman, muridnya serata dunia dan dia menjadi mujaddid fiqh dengan adanya kaedah usul dalam menilai jika masalah itu banyak riwayat dan banyak simpang siurnya dan sebagainya.

Begitu juga ada hadis yg diihtimalkan kepada IMAM ABU HANIFAH yang berlawanan dengan Dahri yang mencabar ummat islam dengan katanya “bagaimana ummat islam mengatakan Allah itu ada tetapi tiada bertempat”.

Maka IMAM ABU HANIFAH lah yg menumpaskan hujjah Dahri dan memelihara aqidah ummat islam ketika itu dengan menyabitkan bahawa Allah itu tuhan yang ada yang tidak bertempat. Maka hadis yg diihtimalkan kepada Imam Abu Hanifah pula ialah.

Kata Nabi:

لو كان العلم بالثريا لناله رجل من فارس

“walau ilmu itu berda di bintang yg tinggi iaitu bintang suraya, nescaya akan dapat di dicapai oleh seorang lelaki dari parsi”.

Begitulah beberapa isyarat<sup>2</sup> dari Nabi tentang ulama<sup>2</sup> mujtahid.

Al-Umm dan Al-Muzani antara kitab Fiqih beliau yang sarat meriwayatkan hadit dari beliau selain musnad beliau.

Wafat pada 204 H di Mesir bermakam di Mesir.

---

## **Fahami Akhir HAID**

## AKHIR HAID

WAKTU BERHENTI HAID	PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN
Sebelum masuk waktu subuh (Masih dalam waktu Isya')	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib solat Isya' dan <b>qadha solat Maghrib</b></li></ul>
Masih dalam waktu Subuh	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib Solat Subuh</li></ul>
Selepas habis waktu Subuh (Dhuha)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak terus wajib mandi dan tidak perlu solat Subuh</li><li>• Wajib mandi untuk solat Zuhur</li></ul>
Dalam waktu Zuhur	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib solat Zuhur</li></ul>
Dalam waktu Asar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib Solat Asar dan <b>qadha solat Zuhur</b></li></ul>
Dalam waktu Maghrib	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib solat Maghrib</li></ul>
Dalam waktu Isya'	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wajib mandi</li><li>• Wajib solat Isya' dan <b>qadha solat Maghrib</b></li></ul>

---

**No Smoking.....**

---

**Surah Al-Isra ... ayat 111**

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ  
 شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَاوِيٌّ مِنَ الذُّلِّ وَكَبْرُهُ  
 تَكْبِيرًا

Dan katakanlah: "Segala puji tertentu bagi Allah yang tiada mempunyai anak, dan tiada bagiNya sekutu dalam urusan kerajaannya, dan tiada bagiNya penolong disebabkan sesuatu kelemahanNya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakanNya dengan bersungguh-sungguh!"

sapu muka selepas salam

ayat ini biasanya dibacakan selepas salam kedua solat sambil meletak tangan atas kepala kemudian menyapu muka sampai ke bahagian dagu



# ST – Pengelasan Jenis Kontraktor

JENIS KONTRAKTOR		
Bil	Jenis Kontraktor	Skop kerja
1.	Kontraktor Perkhidmatan Elektrik	Untuk kerja-kerja penyenggaraan, pembaikan, baik pulih dan servis, penentukuran, ujian mula tugas mana pemasangan atau kelengkapan dan pengesanan kerosakan kabel
2.	Kontraktor Elektrik	Untuk kerja-kerja elektrik, pemasangan dan pendawaian elektrik
3.	Kontraktor Papan Tanda Elektrik	Untuk kerja-kerja pendawaian dan pemasangan neon
4.	Pengilang Papansuis	Untuk kerja-kerja pengilangan papansuis
5.	Kontraktor Pembaikan	Untuk kerja-kerja pembaikan dan pensemberisan alat-alat kelengkapan elektrik

---

# CIDB – Had Nilai Perolehan Kerja Mekanikal

## Had Nilai Perolehan Kerja ( Bangunan/Awam/Mekanikal)

<b>GRED PENDAFTARAN</b>	<b>HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (RM)</b>
G1	200,000.00 dan ke bawah
G2	200,001.00 hingga 500,000.00
G3	500,001.00 hingga 1,000,000.00
G4	1,000,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	Melebihi 10,000,000.00

---

# **CIDB – Hak Nilai Perolehan Kerja Elektrikal**

## Had Nilai Perolehan Kerja (Elektrikal)

GRED PENDAFTARAN	HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (RM)
G1	Sehingga 200,000.00
G2	Sehingga 500,000.00
G3	Sehingga 1,000,000.00
G4	200,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	200,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	200,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	200,001.00 dan ke atas

# ST – Pengelasan Kontraktor Elektrik

### PENGELASAN KONTRAKTOR ELEKTRIK

Nota : Pendawai yang dijawat dikehendaki bekerja sepenuh masa.

Kelas	Nilai Kerja	Kategori Pendawai yang perlu dijawat	Bilangan
A	Kerja melebihi RM 1 juta	(a) Pendawai Fasa Tiga + Endorsan Pengujian (PW4) (b) Pendawai Fasa Tiga (PW3) (c) Pendawai Fasa Tunggal (PW1)	1 2 2
B	Kerja mencapai RM 1 juta	(a) Pendawai Fasa Tiga + Endorsan Pengujian (PW4) (b) Pendawai Fasa Tiga (PW3) (c) Pendawai Fasa Tunggal (PW1)	1 1 1
C	Kerja mencapai RM500,000.00	(a) Pendawai Fasa Tiga + Endorsan Pengujian (PW4)	1
D	Kerja mencapai RM100,000.00	(a) Pendawai Fasa Tunggal + Endorsan Pengujian (PW2)	1